



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PELUANG PENDIDIKAN KEPADA KANAK-KANAK TIADA DOKUMEN DI INSTITUSI KEBAJIKAN SELIAAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dalam memastikan kanak-kanak khususnya kanak-kanak di institusi kebajikan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapat akses kepada pendidikan arus perdana.

Bagi menzahirkan manifestasi tersebut, KPWKM menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan kanak-kanak di institusi kebajikan kendalian JKM diterima masuk ke sekolah aliran perdana termasuklah kanak-kanak yang telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara sebagai kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen.

Dalam hal ini, JKM telah mengenal pasti seramai 40 orang kanak-kanak yang berstatus tiada dokumen. Daripada jumlah tersebut, seramai 10 orang kanak-kanak daripada beberapa institusi telah diterima masuk ke sekolah aliran perdana.

Pada hari ini YB Datuk Seri Rina Mohd Harun mengiringi dan menyantuni enam orang kanak-kanak yang telah diluluskan untuk diterima masuk ke Sekolah Kebangsaan Taman Midah 2, Cheras. Kemasukan kanak-kanak ke sekolah ini adalah setelah memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh KPM.

Manakala 30 orang kanak-kanak lagi dalam proses permohonan. Ini merupakan langkah penting dalam memastikan kanak-kanak di institusi kebajikan kendalian JKM dapat diintegrasikan dalam masyarakat dan sebagai persediaan untuk mereka melangkah keluar daripada institusi kebajikan untuk menjalani kehidupan normal.

KPWKM mengucapkan terima kasih kepada KPM atas inisiatif yang telah diambil dalam memastikan tiada kanak-kanak yang tertinggal dalam mendapatkan pendidikan formal di negara ini.

Kementerian juga akan sentiasa memantau perkembangan kanak-kanak yang telah diberi peluang pendidikan di sekolah aliran perdana dari semasa ke semasa dan memastikan peluang dan kemudahan ini diberi sama rata kepada lebih ramai kanak-kanak di institusi kebajikan di bawah seliaan JKM.

###

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

26 April 2021